

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 MAC 2016 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tingkatkan kesedaran kesan fenomena El nino	Berita Harian
2.	'Kecemasan gelombang haba'	Harian metro
3.	Fenomena El Nino dijangka berterusan sehingga Jun - Madius	BERNAMA
4.	Cuaca: Sesi persekolahan di Alor Setar dan Chuping dicadang ditutup esok	BERNAMA
5.	Cuaca panas: Menteri Pendidikan nafi khabar angin sekolah tutup sehingga Selasa	BERNAMA
6.	Cuaca panas tidak ganggu PLKN 2.0 – JLKN	BERNAMA
7.	Cuaca panas: Menteri Pendidikan nafi khabar angin sekolah tutup sehingga Selasa	BERNAMA
8.	'Emergency may be declared'	New Straits Times
9.	Double whammy tomorrow – equinox and heatwave	The Star
10.	It may get too hot for school	The Star
11.	Anti-dengue project cuts cases by 49pc	New Straits Times
12.	Ganjaran insentif RM1 juta bagi 10 produk terbaik	BERNAMA
13.	Sekolah beroperasi seperti biasa	BERNAMA
14.	6 kawasan gelombang haba kekal suhu tinggi	Utusan Malaysia
15.	Jawatankuasa Khas di tubuh tangani gelombang haba	Utusan Malaysia
16.	Peka kesan El Nino	Utusan Malaysia
17.	Info Cuaca	Berita Harian
18.	Naib Canselor boleh tutup Universiti jika cuaca panas melampau	BERNAMA

19.	Sumber air di Perak masih terkawal	BERNAMA
20.	APBN bermesyuarat Selasa ini bincang persediaan hadapi El Nino	BERNAMA
21.	Batalkan aktiviti luar jika suhu melebihi 36 darjah celcius	BERNAMA
22.	Ketua Jabatan disaran rangka aktiviti luar, elak terdedah cuaca panas	BERNAMA
23.	Sekolah tutup jika suhu lebih 37 darjah celcius lebih 72 jam	BERNAMA
24.	Kedinginan Cameron Highland 'hilang' akibat El Nino	BERNAMA
25.	SIRIM tidak keluarkan kad jimat tenaga	Utusan Malaysa
26.	Sambutan <i>Earth Hour</i> di Plaza Sungei Wang meriah	BERNAMA

Tingkatkan kesedaran kesan fenomena El Nino

*Agensi berkaitan perlu sebar maklumat kesan,
tindakan hadapi cuaca panas melampau*

Berdasarkan kenyataan media Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau pada 8 Januari lalu, fenomena El Nino kuat yang dihadapi negara dijangka berterusan sehingga suku pertama tahun ini (Januari hingga Mac). Cuaca panas dan kering akan dirasai di seluruh Semenanjung, Sabah dan Bahagian Limbong serta Miri di Sarawak.

Kenyataan media itu turut menyebut bahawa fenomena El Nino kuat ini dijangka boleh menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 hingga 60 peratus serta kenaikan suhu sekitar 0.5 hingga 2.0 darjah Celsius berbanding biasa. Selain panas kuat, El Nino juga boleh menyebabkan berlaku hujan lebih di sesetengah kawasan.

El Nino adalah fenomena sejagat yang terjadi disebabkan pemanasan global. Secara khususnya, fenomena El Nino disebabkan pemanasan suhu permukaan laut di timur Lautan Pasifik berhampiran luar pantai Peru. Pemanasan permukaan laut itu membawa kepada berlaku rantaian perubahan iklim di seluruh dunia. Negara kita pernah beberapa kali menghadapi fenomena El Nino pada 1997/1998 dan 2009.

Pada 1998, suhu tertinggi, iaitu 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping pada 9 April 1998. Pada tahun itu, fenomena El-Nino turut dirasai negara jiran Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand. Dalam berdepan fenomena El-Nino ini, kita seharusnya meningkatkan kepekaan terhadap kesannya, sama ada kepada manusia atau alam sekitar.

Cuaca panas berterusan boleh menjejaskan kesihatan. Penyakit seperti selesema, batuk, demam dan penyakit lain berkaitan cuaca panas mudah berlaku. Selain itu, kesan cuaca panas juga boleh meningkatkan penyakit berbahaya seperti taun, demam denggi dan malaria. Individu yang terdedah terlalu lama kepada cuaca panas melampau ini boleh mendapat serangan strok haba dan penyakit berkaitan kulit. Oleh itu, orang ramai perlu mengelak berada lama di bawah cahaya matahari dan mengurangkan aktiviti luar rumah.

Krisis bekalan air

Alam sekitar juga boleh terjejas disebabkan fenomena El-Nino. Keadaan panas boleh menyebabkan berlaku proses sejatan di kawasan tadahan air. Keadaan sejatan yang tinggi akan menyebabkan krisis bekalan air berlaku kerana kawasan tadahan air seperti empangan, tasik dan kolam mengalami penyusutan atau kekeringan.

Justeru, orang ramai perlu berhemah dalam penggunaan air. Industri yang menggunakan air dalam proses pengeluaran produk mereka juga mesti bijak mengurus penggunaan air serta mempunyai pelan kontingensi sendiri.

Amalan penjimatan air harus dimulakan dari sekarang dan pada masa sama, orang ramai perlu menyimpan air mentah yang mencukupi untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Kita mesti mengambil pengajaran daripada fenomena El Nino yang berlaku pada 1997/1998 di mana ramai yang merungut kerana kekurangan bekalan air. Orang ramai harus sedar bahawa isu berkaitan fenomena alam ini adalah tanggungjawab bersama.

Kekurangan air juga boleh menyebabkan pasukan bomba berdepan kerja memadam api ketika berlaku kebakaran. Sayugia diingat bahawa dalam keadaan persekitaran yang kering, kebakaran mudah berlaku disebabkan sedikit kecuai manusia.

Elak aktiviti pembakaran

Kebakaran secara spontan juga boleh berlaku di tapak pelupusan sampah disebabkan berlaku pembebasan gas metana di kawasan pelupusan sampah. Perlu difahami kebakaran yang besar boleh menyebabkan berlakunya masalah jerebu, sekali gus menjejaskan kualiti udara. Bahan mudah terbakar perlu disimpan dalam keadaan baik dan selamat, manakala aktiviti pembakaran terbuka perlu dielakkan. Sekiranya melihat sebarang kebakaran membabitkan kawasan terbuka, laporkan segera kepada pihak berkuasa.

Kesimpulannya, fenomena El Nino adalah fenomena alam dan kesannya harus ditangani bersama. Yang menjadi persoalannya ialah apakah masyarakat kita mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kesan fenomena alam ini? Apakah orang ramai sedar akan peranan mereka atau mengambil sikap tidak peduli mengenainya? Radio, televisyen dan akhbar seharusnya meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kesan fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini.

Agensi kerajaan berkaitan juga harus meningkatkan usaha memberi kefahaman kepada orang ramai mengenai perkara ini. Orang ramai seharusnya berusaha mendapatkan maklumat mengenai perkembangan cuaca semasa dan Indeks Pencemaran Udara (IPU) daripada agensi berautoriti seperti Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar.

Penulis

ialah Penganalisis Media di Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 19 MAC 2016 (SABTU)

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitaisyah@hmetro.com.my
Putrajaya

Amaran 'kecemasan gelombang haba' akan diisytiharkan kerajaan sekiranya sesebuah kawasan itu mengalami suhu melampau melebihi 40 peratus selama atau lebih tujuh hari dalam tempoh cuaca panas dan kering berpanjangan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, perkara berkenaan adalah antara terkandung dalam pelan tindakan bagi menangani gelombang haba yang berkuat kuasa serta merta.

Menurutnya, apabila amaran itu dikeluarkan, segala aktiviti adalah di dalam pejabat kerana jika terkena cahaya matahari secara berterusan bimbang menimbulkan perkara tidak diingini.

"Dalam pelan tindakan ini turut membabitkan penangguhan sesi persekolahan ia itu sekolah, tadika dan taska di kawasan yang berkenaan perlu ditutup sekiranya suhu melebihi 37 darjah Celsius selama lebih 72 jam dan peningkatan suhu berterusan."

"Ia adalah menerusi ama-



MALAYSIA MENDIDIH

'Kecemasan gelombang haba'

PENDUDUK setempat menggogau lumpur sungai bagi mencari pelbagai ikan seperti haruan, keli, sepat dan puyu di Alor Setar.

ran kedua dan tindakan seterusnya termasuk menyelaraskan mesyuarat Jawatankuasa Khas bagi membincangkan tindakan kecemasan serta meneruskan tindakan seperti

pada tahap amaran pertama," katanya, semalam.

Selain itu, beliau berkata, bagi amaran pertama, ia membabitkan suhu melebihi 37 darjah Celsius selama 72

jam dan tindakan diambil ialah dengan memantau bacaan suhu dari semasa ke semasa berdasarkan stesen cerapan di seluruh negara.

"Tindakan seterusnya ialah

mengeluarkan amaran gelombang haba melalui kenyataan media oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta menangguhkan aktiviti pelajar dan murid di luar ba-

ngunan seperti acara sukan, kokurikulum, perhimpunan, merentas desa, perkhemahan dan sebagainya.

"Aktiviti sukan dan latihan atlet di luar bangunan pada waktu siang turut ditangguhkan atau dilakukan dalam kawasan tertutup dan berhawa dingin atau pada waktu malam," katanya.

Malah, Wan Junaidi berkata, nasihat turut dikeluarkan kepada orang ramai bagi menghadkan aktiviti luar terutama bagi warga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif kepada cuaca panas.

"Nasihat turut dikeluarkan kepada orang ramai supaya seboleh-bolehnya berada dalam rumah atau bangunan, kerap minum air, elakkan bersenam dalam cuaca panas, hadkan aktiviti di luar serta mendapatkan nasihat pakar kesihatan jika mengalami strok haba."

"Seterusnya mengeluarkan nasihat dan garis panduan keselamatan kepada pekerja terutama membabitkan mereka yang bekerja di luar bangunan," katanya.

FAKTA

Amaran pertama membabitkan suhu melebihi 37 darjah Celsius selama 72 jam

FOTO: MOHD KHAIRUL ENGI OSMAN



Fenomena El Nino Dijangka Berterusan Sehingga Jun - Madius

KOTA KINABALU, 19 Mac (Bernama) -- Fenomena El Nino yang melanda seluruh negara ketika ini dijangka berterusan sehingga Jun, kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau.](#)

Beliau berkata Mac adalah bulan yang mengalami kepanasan suhu tertinggi, namun, ia akan kembali normal pada Jun.

"Terdapat empat peringkat El Nino iaitu kuat seperti yang berlaku sekarang, akan beralih kepada sederhana, lemah, dan neutral (normal). El Nino neutral ini dijangka pada Jun," katanya kepada pemberita ketika melawat Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu di sini, Sabtu.

Madius berkata pertukaran monsun timur laut dan barat daya pada penghujung Mac atau awal April ini juga dijangka memberi impak kepada perubahan suhu.

Mengulas lanjut, katanya, taburan hujan pada masa ini masih kurang tetapi ia dijangka bertambah pada Mei dan Jun.

Sementara itu, Madius berkata data dan maklumat diberikan Jabatan Meteorologi adalah tepat dan maklumat mengenai cuaca akan sentiasa diberikan bagi membolehkan semua agensi bersiap sedia menghadapi musim cuaca panas dan kering selain memudahkan orang ramai merancang aktiviti harian mereka.

Beliau turut mengalu-alukan orang ramai melayari laman web kementerian untuk mengetahui perkembangan semasa mengenai hal-hal cuaca.

-- BERNAMA



Cuaca: Sesi Persekolahan Di Alor Setar Dan Chuping Dicapang Ditutup Esok

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Kementerian Pendidikan dicadang menutup sesi persekolahan di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis esok berikutan suhu melebihi 37 darjah celcius yang dicatatkan di kedua-dua lokasi itu sejak 1 Mac.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata Alor Setar mencatat bacaan suhu paling tinggi di negara ini semalam iaitu 39.1 darjah celcius, bacaan tertinggi dalam tempoh 12 hari berturut-turut.

Di Chuping pula, bacaan yang dicatat semalam adalah 38.9 darjah celcius, selain mencatat suhu tertinggi 39 darjah celcius pada Isnin lepas, katanya dalam kenyataan akhbar di sini Sabtu.

"Berdasarkan Garis Panduan Pelan Tindakan Menangani Gelombang Haba maka sesi persekolahan di Alor Setar dan Chuping boleh dicadangkan agar ditutup bermula pada Ahad, 20 Mac," katanya.

Beliau berkata bagaimanapun, keputusan sama ada sesi persekolahan akan ditutup atau tidak, akan diumumkan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid sepertimana diarahkan oleh kabinet.

Sementara itu, Madius berkata Keningau di Sabah dan Batu Embun serta Temerloh di Pahang mencatat bacaan suhu melebihi 35 darjah celcius bagi tempoh lebih 10 hari berturut-turut.

Katanya keadaan ini disebabkan fenomena El Nino yang sedang berlaku dan dijangka berterusan sehingga suku pertama tahun ini.

Beliau berkata cuaca panas dan kering yang kini berlaku di Perlis dan Kedah akan turut dirasai di seluruh Semenanjung sehingga penghujung Mac ini.

Katanya keadaan sama dijangka berlaku di Sabah dan bahagian Limbang serta Miri di Sarawak.

-- BERNAMA



Cuaca Panas: Menteri Pendidikan Nafi Khabar Angin Sekolah Tutup Sehingga Selasa

PUTRAJAYA, 19 Mac (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid menafikan khabar angin di laman sosial bahawa sekolah di beberapa negeri ditutup sehingga Selasa ini ekoran cuaca panas melampau.

"Pengumuman itu tidak benar dan tiada arahan seumpama itu dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia," katanya dalam catatan terbaru di Facebooknya hari ini.

Hari ini, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau](#) dalam kenyataan berkata Kementerian Pendidikan dicadang menutup sesi persekolahan di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis esok berikutan suhu melebihi 37 darjah celsius yang dicatatkan di kedua-dua lokasi itu sejak 1 Mac.

"Berdasarkan Garis Panduan Pelan Tindakan Menangani Gelombang Haba maka sesi persekolahan di Alor Setar dan Chuping boleh dicadangkan agar ditutup bermula pada Ahad, 20 Mac," katanya.

Madius berkata bagaimanapun, keputusan sama ada sesi persekolahan akan ditutup atau tidak, akan diumumkan oleh Mahdzir sepertimana diarahkan oleh kabinet.

Selasa lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Kementerian Pendidikan akan memutuskan sama ada sekolah perlu ditutup sekiranya cuaca panas melampau masih berterusan selepas tamat cuti pertengahan penggal pertama persekolahan minggu ini.

Semalam, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata sekolah di sesuatu kawasan akan ditutup jika suhu melebihi 37 darjah celsius selama lebih 72 jam.

Malaysia kini mengalami cuaca panas dan kering yang disebabkan oleh fenomena El Nino. Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan cuaca panas dan kering ini akan berakhir pada Mei atau Jun, dengan suhu dijangka paling panas esok kerana fenomena ekuinok.

-- BERNAMA



Cuaca Panas Tidak Ganggu PLKN 2.0 - JLKN

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Cuaca panas dialami negara ketika ini tidak akan mengganggu perjalanan Program Transformasi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2.0 yang dijadual bermula 26 Mac ini.

Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) Datuk Mohmed Asri Yusuf berkata, sebaliknya modul latihan program itu termasuk aktiviti luar akan berjalan seperti biasa tetapi disesuaikan dengan keadaan cuaca semasa.

"Kami akan sesuaikan latihan dengan keadaan semasa. Kalau latihan kawad (dijadual) pukul 2 petang, (tetapi didapati) tidak sesuai (kerana cuaca panas), latihan kawad atau fizikal akan diadakan pada waktu pagi.

"Pelaksanaan aktiviti lain (juga akan) disesuaikan dengan suasana," katanya kepada Bernama ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke Wisma Bernama di sini hari ini.

Katanya, JLKN sentiasa menitikberatkan soal kesihatan atau keselamatan pelatih semasa mengikuti program tersebut dan tidak akan sesekali memaksa pelatih melakukan aktiviti dalam keadaan cuaca panas.

Mohmed Asri berkata, JLKN juga akan akur dengan nasihat daripada Kementerian Kesihatan sekiranya aktiviti luar sepanjang program itu perlu dikurangkan seperti yang pernah dilakukan ketika negara dilanda jerebu satu ketika dahulu.

Ditanya sama ada JLKN akan menambah pegawai perubatan sebagai persediaan untuk sebarang kemungkinan ekoran cuaca panas itu, beliau berkata: "Pegawai Kesihatan memang sudah ada ditempatkan di kem-kem latihan PLKN, (tapi) kalau perlu tambahan, kami akan bincang dengan Kementerian Kesihatan."

Sebanyak 20,000 pelatih akan menyertai Program Transformasi PLKN 2.0 yang bermula 26 Mac ini di 81 kem di seluruh negara bagi mengikuti latihan selama lapan minggu.

Semalam [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau](#) dalam satu kenyataan berkata keadaan cuaca panas yang berpunca daripada fenomena El Nino kuat ini boleh mencetuskan gelombang haba, iaitu situasi yang membawa risiko kesihatan hipetermia atau strok haba dan dehidrasi.

Keadaan cuaca panas ini diramal kembali normal pada Jun depan.

-- BERNAMA



Cuaca Panas: Menteri Pendidikan Nafi Khabar Angin Sekolah Tutup Sehingga Selasa

PUTRAJAYA, 19 Mac (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid menafikan khabar angin di laman sosial bahawa sekolah di beberapa negeri ditutup sehingga Selasa ini ekoran cuaca panas melampau.

"Pengumuman itu tidak benar dan tiada arahan seumpama itu dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia," katanya dalam catatan terbaru di Facebooknya hari ini.

Hari ini, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau](#) dalam kenyataan berkata Kementerian Pendidikan dicadang menutup sesi persekolahan di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis esok berikutan suhu melebihi 37 darjah celsius yang dicatatkan di kedua-dua lokasi itu sejak 1 Mac.

"Berdasarkan Garis Panduan Pelan Tindakan Menangani Gelombang Haba maka sesi persekolahan di Alor Setar dan Chuping boleh dicadangkan agar ditutup bermula pada Ahad, 20 Mac," katanya.

Madius berkata bagaimanapun, keputusan sama ada sesi persekolahan akan ditutup atau tidak, akan diumumkan oleh Mahdzir sepertimana diarahkan oleh kabinet.

Selasa lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Kementerian Pendidikan akan memutuskan sama ada sekolah perlu ditutup sekiranya cuaca panas melampau masih berterusan selepas tamat cuti pertengahan penggal pertama persekolahan minggu ini.

Semalam, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata sekolah di sesuatu kawasan akan ditutup jika suhu melebihi 37 darjah celsius selama lebih 72 jam.

Malaysia kini mengalami cuaca panas dan kering yang disebabkan oleh fenomena El Nino. Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan cuaca panas dan kering ini akan berakhir pada Mei atau Jun, dengan suhu dijangka paling panas esok kerana fenomena ekuinok.

-- BERNAMA

'Emergency may be declared'

ACTION PLAN: This will be done in the event temperature exceeds 40°C for seven days, says minister

FAIRUZ MOHD SHAHAR
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

A HEATWAVE emergency will be announced if the temperature of an area exceeds 40°C for seven days or more.

Schools will also be ordered to shut down temporarily if the temperature exceeds 37°C for more than three days, said Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

These were among the measures that the special committee on the extreme hot weather would take if the heatwave continued, said committee Wan Junaidi, who is the committee's chairman.

He said the moves were part of the new heatwave action plan approved by the cabinet in its weekly meeting.

He said the action plan involved ministries and agencies, including the Education Ministry, Health Ministry, Science, Technology and Innovation Ministry and Communications and Multimedia Ministry, as well as the Meteorology Department.

"The first warning will be issued if temperatures reach or exceed 37°C for three consecutive days. When the first warning is

issued, the Meteorology Department will keep tabs on the temperatures at monitoring stations while the Science, Technology and Innovation Ministry will issue a heatwave warning through a media statement.

"Schools and kindergartens will be ordered to postpone co-curriculum, outdoor and sports activities," he said here yesterday.

Wan Junaidi said a second warning would be issued if the temperature exceeded 37°C for more than three days.

"This is when schools will be ordered to close. The National Disaster Management Agency will hold a meeting to discuss an emergency response plan.

"If temperatures go beyond 40°C for seven days or more, the agency will declare a heatwave emergency."

He said a technical meeting would be held on Monday to discuss the actions to be taken after a heatwave emergency was declared. He advised the public to minimise outdoor activities as the heatwave was expected to end only in May.



KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 19 MAC 2016 (SABTU)

Double whammy tomorrow – equinox and heatwave

PETALING JAYA: Be prepared for a double whammy tomorrow and steaming hot afternoons for the rest of the month.

The situation will be made all the more unbearable with the equinox tomorrow, when the sun shines directly over the Equator, and the heatwave caused by the El Nino phenomenon.

Malaysian Meteorological De-

partment director-general Datuk Che Gayah Ismail said the heatwave was expected to continue until the end of the month.

"We are expecting maximum temperatures to be recorded between 2pm and 4pm," she said.

For Chuping, Perlis, which recorded the highest temperature in the country this month at 39°C on Monday and yesterday, she said it

would range between 38°C and 39°C.

According to the Meteorological Department website, the temperature in Petaling Jaya at 5pm yesterday was 33°C while Alor Setar recorded 36°C; Ipoh and Seberang Perai 35°C; Kuala Pilah, Negri Sembilan, 34°C; Senai, Johor, 34°C; and Malacca, 33°C.

On weather.com, Nakhon Sawan,

Thailand, is forecasted to be the hottest place in the region ranging between 38°C and 42°C.

It is the highest in comparison to Chuping which will range between 36°C and 38°C; Yangon, Myanmar, 37°C-39°C; Singapore 33°C-34°C; Manila, Philippines, 33°C-36°C; Ho Chi Minh City, Vietnam, 33°C-36°C and Pekanbaru, Indonesia, 32°C-34°C.

On Monday Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau said in a statement that the El Nino phenomenon was the main reason for the current hot and dry weather being experienced in the country.

Tangau said the last time Malaysia experienced similar weather conditions was 1997-1998, also due to a strong El Nino.

It may get too hot for school

Closure expected if mercury hits 37°C for over 72 hours

PUTRAJAYA: Schools in the country will be closed if the temperature in their area hits 37°C for more than 72 hours and a heatwave emergency declared if any area sees temperatures at 40°C for seven days or more.

With temperatures expected to hit its peak tomorrow, Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said a first warning would be issued if temperatures reach or exceed 37°C for 72 hours.

"When the first warning is issued, we will order the postponement of outdoor activities at schools, such as extra-curricular activities, cross-country events or camping.

"The Ministry of Youth and Sports will order outdoor sports activities and athletics training sessions to be postponed, held indoors or held at night.

"If it stays at above 37°C for more than 72 hours, a second warning will be issued.

"Schools in these areas will be ordered closed," he said.

These are among the measures in a new heatwave "action plan" that was approved by the Cabinet yesterday.

Dr Wan Junaidi said the Cabinet had approved the setting up of a special committee on the heatwave, which he will chair.

"The committee will be tasked with monitoring the heatwave situation and with executing the action plan.

"The National Disaster Management Agency (Nadma) will convene a special meeting to discuss an emergency response plan.



Keeping her cool: Five-year-old Aisyah Zahra drinking cold water to beat the heat while standing in front of the refrigerator. — AZMAN GHANI/The Star

"If temperatures go beyond 40°C for seven days or more, then Nadma will declare a 'heatwave emergency' and will announce the emergency measures to be taken," Dr Wan Junaidi told a press conference here yesterday.

The committee, he added, comprised Nadma, the Meteorological Department, the Department of Environment, the National Security Council, the Fire and Rescue Department, the Health Ministry and the Education Ministry,

among others.

In 1998, the district of Chuping in Perlis recorded the highest reading in Malaysia's history at 40.1°C.

The same district recorded a reading of 39°C on Monday and yesterday.

Anti-dengue project cuts cases by 49pc

POSITIVE: 100,000 home kits given out to KL, Selangor and Johor residents

ZAFIRA ANWAR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A PILOT project called the Dengue-Free Community (DFC) by the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) has shown positive results in reducing dengue cases by 49 per cent in 30 areas in Selangor, Johor and Kuala Lumpur.

Its minister Datuk Seri Madius Tangau said the success rate was mainly attributed to the creation of the Dengue Control Toolbox, introduced in January last year.

He said results showed a big reduction in dengue cases compared with the period before its implementation.

Due to high success rate, Mosti had initiated the distribution of 100,000 Anti-Dengue Home Kits to residents in the city and the two states.

"Mosti initiated this project as a direct response to the critical need for new sustainable approaches to fight the dengue menace, especially with the number of cases growing rapidly every year.

"Such community involvement is essential for the success in containing dengue.

"The DFC project team has been working with the various health departments to develop a single process that can be translated into a national programme to fight dengue in a sustainable way," said Madius on Thursday.

He said the kit would empower home owners to protect their fam-

ilies as well as their communities from mosquito-borne diseases, including the Zika virus.

The ministry has decided to expand its phase two implementation of the DFC programme to include five other states, namely Perak, Pahang, Sabah, Malacca and Negri Sembilan.

"The extension of the DFC programme is necessary for us to analyse the data and learn from the research and social impact measures.

"Brazil is interested in introducing our innovation as preparation for the Olympics in Rio this year."

Each anti-dengue kit contains a pack of Mousticide RH biolarvicide sachets, a 500ml tube of Denguard non-toxic mosquito repellent, an Aedes larvae ovitrap which traps and kills Aedes mosquito larvae and an instruction pamphlet.

The retail version of the home kit which costs less than RM50 will be available next month.



Ganjaran Insentif RM1 Juta Bagi 10 Produk Terbaik

PUTRAJAYA, 18 Mac (Bernama) -- Sepuluh produk terbaik daripada kira-kira 130 hasil ciptaan 26 organisasi tempatan yang berpotensi dikomersialkan, akan dipilih untuk menerima peruntukan RM100,000 setiap satu bersempena program Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur berkata organisasi itu merangkumi 13 agensi atau institut penyelidikan, lima universiti penyelidikan serta lapang agensi pembangunan teknologi.

Organisasi terbabit perlu mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 dengan penghasilan sekurang-kurangnya lima produk bagi tujuan pengkomersialan.

Menurutnya, program hasil kerjasama MOSTI dan Kementerian Kewangan akan menyaksikan setiap agensi akan membentangkan laporan kemajuan pada Jun ini.

"Jika sebelum ini usaha pengkomersialan dibuat tanpa hala tuju yang jelas, namun menerusi program ini produk ciptaan R&D (penyelidikan dan pembangunan) tempatan akan dipastikan mampu berdaya saing bagi menembusi pasaran antarabangsa.

"KPI ini juga akan dipantau selama dua tahun dengan sasaran setiap produk akan dikomersialkan dengan kerjasama sinergi termasuk oleh agensi penggalakan pelaburan dan pembangunan kapasiti 'technopreneur' (usahawan muda)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi pembentangan mengenai KPI berkenaan, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Noorul Ainur berkata, majlis pengiktirafan 10 produk terbaik berkenaan akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 1 hingga 3 November depan.

Semalam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah berkata 10 produk itu akan dipilih berdasarkan ciri-ciri inovatif, kreatif serta bersifat 'rakyat' iaitu yang menggunakan sumber bahan tempatan.

Insentif RM100,000 yang diberikan kepada produk itu juga akan dipantau kegunaannya oleh kementerian bagi memastikannya dimanfaatkan dengan betul untuk tujuan pemasaran, pembungkusan dan promosi supaya dapat dikomersialkan.

-- BERNAMA



Sekolah Beroperasi Seperti Biasa - Mahdzir

KOTA BAHARU, 19 Mac (Bernama) -- Semua sekolah di seluruh negara akan dibuka semula mulai Ahad dan Isnin ini, selepas berakhirnya cuti penggal pertama persekolahan 2016 walaupun cuaca panas melampau melanda negara, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Beliau berkata setakat ini tidak ada keputusan untuk menutup mana-mana sekolah akibat cuaca panas dan kering itu berikutan fenomena El Nino yang melanda negara.

"Untuk sementara, apa yang boleh kita buat ialah semua aktiviti di luar bilik darjah mesti dihentikan atau tidak diadakan namun sesi persekolahan beroperasi seperti biasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Sakti di sini, Sabtu.

Selepas cuti persekolahan bermula sejak 11 Mac lepas, semua sekolah di Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor akan memulakan persekolahan Ahad manakala negeri lain yang memulakan cuti tersebut pada 12 Mac akan bermula Isnin ini.

Mahdzir berkata Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Gelombang Haba peringkat kebangsaan yang terdiri daripada beberapa kementerian termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, akan membuat keputusan sama ada sekolah perlu ditutup berikutan cuaca tersebut.

"Jawatankuasa tersebut akan melihat cuaca sampai berapa darjah Celsius dan berpanjangan berapa lama, baru kita buat keputusan," katanya.

Mahdzir turut menasihati pengguna laman sosial supaya tidak menyebarkan khabar angin kononnya sekolah di beberapa negeri ditutup sehingga Selasa ini ekoran cuaca panas melampau.

Pengumuman itu tidak benar dan tiada arahan seumpama itu dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, katanya yang kesal kerana perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab itu hanya menyusahkan masyarakat terutama ibu bapa yang perlu menghantar anak-anak mereka kembali ke asrama.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan dalam kenyataan Sabtu menyatakan pihaknya mengambil maklum berkenaan cuaca panas yang melanda negara akibat fenomena El Nino kuat serta pertanyaan berkaitan status pembukaan persekolahan esok.

Menurut kenyataan itu walaupun semua sekolah di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor dibuka seperti biasa, namun semua aktiviti di luar bilik darjah hendaklah ditangguhkan sehingga makluman sebaliknya dibuat atau keadaan telah kembali normal.

Kementerian itu berkata pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah juga perlu membuat pemantauan rapi terhadap kesihatan murid-murid, termasuk memastikan bekalan air minuman bersih sama ada disediakan kantin sekolah atau selainnya mencukupi.

Selain itu, pihak sekolah juga hendaklah menggalakkan murid-murid membawa air minuman sendiri ke sekolah.

Sekiranya terdapat sebarang komplikasi kepada murid akibat fenomena ini, maka pihak sekolah perlu segera berhubung dengan klinik atau hospital berdekatan, kata kenyataan itu.

Dalam hal ini, PPD juga diminta segera berbincang dengan Pegawai Kesihatan Daerah masing-masing bagi membantu dalam memastikan sebarang kemungkinan yang tidak diingini daripada berlaku.

Dalam menangani fenomena tersebut, semua pihak, khususnya ibu bapa dan murid-murid diingatkan agar sentiasa mendapatkan maklumat rasmi daripada kementerian yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa berhubung perkara itu.

Semalam, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata sekolah di sesuatu kawasan akan ditutup jika suhu melebihi 37 darjah Celsius selama lebih 72 jam.

Malaysia kini mengalami cuaca panas dan kering yang disebabkan oleh fenomena El Nino dan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan keadaan itu hanya akan berakhir pada Mei atau Jun, dengan suhu dijangka paling panas esok kerana fenomena ekuinok.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 19 MAC 2016 (SABTU)

6 kawasan gelombang haba kekal suhu tinggi

KUALA LUMPUR 18 Mac -Sebanyak enam kawasan yang dikenal pasti telah mencapai paras ambang gelombang haba sejak kelmarin terus mencatatkan suhu harian tinggi hari ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Meteorologi Malaysia), Datuk Che Gayah Ismail berkata, semua enam kawasan terbabit iaitu Chuping di Perlis; Alor Setar, Kedah; Ipoh dan Lubuk Merbau, Perak serta Batu Embun dan Temerloh, Pahang terus mencatatkan suhu pada atau melebihi suhu ambang gelombang haba iaitu 35 darjah Celsius.

Beliau menambah, mengikut prosedur operasi standard (SOP), operasi pembenihan hujan tidak boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kesan gelombang haba yang tercetus akibat daripada fenomena El Nino kerana kaedah tersebut hanya digunakan bagi

mengurangkan jeribu.

"Keadaan suhu bagi enam kawasan yang mengalami ambang gelombang haba masih tinggi seperti semalam, dengan tiada sebarang perubahan dilaporkan. Kami tidak boleh jalankan operasi pembenihan hujan untuk menurunkan suhu akibat gelombang haba kerana tiada sebarang SOP mengenainya dikeluarkan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, laman web Meteorologi Malaysia melaporkan, setakat pukul 5 petang ini, Chuping dan Alor Setar terus mencatatkan suhu tertinggi iaitu 39 darjah Celsius.

Tiga kawasan lain yang men-



CHE GAYAH ISMAIL

catatkan suhu tinggi adalah Petaling Jaya, Selangor; Perai, Pulau Pinang dan Ipoh, Perak dengan masing-masing mencatatkan suhu 35 darjah Celsius.

Bagaimanapun, Che Gayah menjelaskan, walaupun Petaling Jaya dan Perai mencatatkan suhu ambang gelombang haba, fenomena berkenaan belum berlaku di dua kawasan tersebut.

"Gelombang haba hanya akan berlaku jika satu-satu tempat itu mencatatkan suhu harian 35 darjah Celsius selama lima hari berturut-turut dan telah melebihi dua darjah Celsius daripada purata jangka panjang suhu maksimum," ujarnya.

Jawatankuasa Khas ditubuh

Tangani gelombang haba

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 18 MAC

KABINET hari ini meluluskan penubuhan satu Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Gelombang Haba ekoran cuaca panas melampau akibat fenomena El Nino yang melanda seluruh negara ketika ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, selain itu, Kabinet yang bermesyuarat pada hari ini bersetuju untuk mengaktifkan Pelan Tindakan Bagi Menangani Gelombang Haba dengan serta-merta.

Katanya, jawatankuasa khas yang dipengerusikan beliau itu akan bertindak untuk memantau perkembangan cuaca panas dan kering di seluruh negara dan mencadangkan tindakan lanjut yang perlu dilakukan kerajaan bagi menghadapi fenomena tersebut.

"Jawatankuasa itu terdiri daripada Kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, **Jabatan Meteorologi** dan Agensi Pengurusan Bencana Negara.

"Satu jawatankuasa teknikal juga ditubuhkan dan akan bermesyuarat pada Isnin ini bagi menambah dan menghalusi keperluan dalam Pelan Tindakan Bagi Menangani Gelombang



Kerajaan akan mengisytiharkan Kecemasan Gelombang Haba jika suhu melebihi 40 darjah Celsius selama melebihi tujuh hari dan terdapatnya kes kematian."

WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Haba yang dikuatkuasa serta-merta itu," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menyentuh pelan tindakan tersebut, Wan Junaidi berkata, pihaknya mengariskan empat tahap amaran gelombang haba dan langkah yang perlu dilakukan oleh orang ramai bagi menghadapi situasi tersebut.

Katanya, pelan tindakan itu turut merangkumi arahan penutupan sekolah, tadika dan taska sekiranya suhu panas mencapai lebih 37 darjah Celsius dengan melebihi tiga hari bagi tahap amaran kedua.

"Untuk tahap kecemasan atau keempat, kerajaan akan mengisytiharkan Kecemasan Gelombang Haba jika suhu melebihi 40 darjah Celsius selama melebihi tujuh hari dan terdapatnya kes kematian.

"Selain itu, semua aktiviti sukan melibatkan atlet di luar bangunan hendaklah ditangguhkan atau di-

lakukan dalam dewan tertutup dan berhawa dingin sekiranya amaran pertama dikeluarkan untuk suhu melebihi 37 darjah Celsius selama 72 jam," katanya.

Pada masa sama, Wan Junaidi memberitahu, tahap-tahap amaran tersebut akan dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi pada setiap masa dan disebarkan menerusi media massa dan media sosial dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Beliau memaklumkan, suhu tertinggi direkodkan pada hari ini adalah 38 darjah Celsius iaitu di bahagian utara Semenanjung Malaysia.

Ujarnya, lima tempat telah dikenali sebagai lokasi mengalami cuaca panas dan kering dengan suhu tertinggi iaitu Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Lubuk Merbau, Perak; dan Batu Embun serta Temerloh di Pahang.

CUACA panas luar biasa ekoran fenomena El Nino yang melanda negara ini, menyebabkan air sungai mengering sekali gus memudahkan penduduk menangkap pelbagai ikan sungai seperti haruan, keli, sepat dan puyu. Shafiq Ahmad (kanan) dan Shukri Hassan mengumpul hasil tangkapan yang diperoleh selepas menggagau lumpur sungai di Hutan Kampung, Alor Setar, Kedah, semalam.
- BERNAMA



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 19 MAC 2016 (SABTU)

TEBING Tasik Timah Tasoh, kira-kira 20 kilometer dari Kangar, pada Rabu lalu kering merekah manakala paras air pula surut dengan banyak kesan cuaca panas luar biasa yang melanda negara sekarang. Chuping di Perlis adalah antara enam kawasan yang mencapai paras gelombang haba kesan fenomena El Nino itu. -BERNAMA



PEKA KESAN EL NINO

REKOD 21 Februari 2014 menunjukkan bahawa Chuping, Perlis, mencatat suhu agak tinggi iaitu 35.9 darjah Celsius manakala Alor Setar, Kedah di tempat kedua dengan catatan 34.9 darjah Celsius. Bagaimanapun catatan itu belum sampai ke tahap 40 darjah Celsius yang pernah dicatatkan di Chuping pada 1998. Dua hari lepas, Chuping mencatat suhu yang agak tinggi iaitu 39 darjah Celsius manakala Alor Setar sudah mencapai 38.5 darjah Celsius dan kini menurun kepada 36 darjah Celsius.

Jabatan Meteorologi membuat kenyataan bahawa keadaan ini berlaku kesan daripada fenomena El Nino dan angin monsun Timur Laut yang dialami oleh negara sejak Oktober tahun lepas. Apa yang jelas, sejak Januari sampai sekarang, hujan berkurangan di beberapa buah negeri. Kesan cuaca panas ini bukan hanya berlaku di utara Semenanjung, malah di beberapa buah negeri lain seperti Negeri Sembilan, Sabah, dan beberapa kawasan di Pahang dan Johor.

Perjalanan penulis dari Klang ke Kuala Terengganu minggu lepas memang panas. Perjalanan pergi



**M. JASNI
MAJED**

balik, setitik hujan pun tidak kena walaupun sesetengah tempat penulis nampak langit mendung, tetapi hujan tidak jadi. Sepanjang Lebuh Raya Pantai Timur 2, daun-daun pokok getah kekuning-kuningan dan luruh ditiup angin.

Adik penulis yang tinggal di Jitra, Kedah memberitahu bahawa hujan ada tetapi tidak seperti selalu. Kalaupun hujan sekejap kemudian panas semula membawa ke malam.

Di Perlis, pemilik-pemilik ladang harum manis mengeluh kerana hasil tanaman mereka tahun ini dijangka merosot kerana kemarau yang berpanjangan. Dua minggu lepas, sudah dikeluarkan kenyataan bahawa pengeluaran harum manis tahun ini mungkin merosot sehingga 50 peratus.

Kesan cuaca panas mesti difahami oleh semua pihak. Penjagaan kesihatan sepanjang musim panas sangat penting dan pelbagai rutin harian mesti dipantau agar

kita tidak menerima kesan negatif cuaca panas seperti kemungkinan mengalami pelbagai jenis penyakit.

Anak-anak kecil tidak boleh dibiarkan bebas di luar rumah dan terdedah dengan cuaca panas, manakala aktiviti sukan perlu dihindarkan supaya tidak menimbulkan pelbagai risiko.

Dalam pada itu, kita juga mesti beringat tentang bekalan air walaupun belum ada negeri yang kedengaran akan mencatu air. Walaupun kita dinasihatkan supaya minum air lebih banyak pada musim panas seperti sekarang, tetapi perkara-perkara yang boleh membawa kepada pembaziran air mesti dielakkan.

Di samping itu, pembakaran yang dilakukan secara terbuka akan mengundang masalah lain pula termasuk kesukaran memadam api, tekanan air rendah dan sebagainya.

Di Negeri Sembilan, kes kebakaran terbuka meningkat 1,000 peratus sejak Februari lepas kesan daripada fenomena cuaca, El Nino.

Oleh hal demikian, pelbagai langkah berjaga-jaga perlu dilakukan oleh semua pihak ketika musim panas. Ibu bapa mesti menasihati anak-anak mereka supaya mengurangkan aktiviti di luar rumah. Aktiviti yang

tidak perlu mestilah dihentikan supaya kita tidak terkena kesan-kesan negatif musim panas.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan menunggu laporan dan cadangan daripada Kementerian Teknologi dan Inovasi untuk menentukan sama ada sekolah perlu bercuti. Ini menunjukkan bahawa kesan cuaca panas ini dititikberatkan terutamanya membabitkan murid-murid sekolah.


Apa yang membimbangkan adalah sekiranya jerebu melanda negara, ini akan memburukkan keadaan. Jabatan Meteorologi meramalkan jerebu akan kembali melanda negara Mei nanti selepas berlaku pertukaran angin Timur Laut ke monsun Barat Daya bermula Mei hingga September nanti.

Oleh hal demikian, semua pihak mesti bersiap sedia dengan segala macam kemungkinan dan berusaha mengurangkan risiko kesan cuaca panas yang melanda negara sekarang.

Orang ramai mesti mengikut segala arahan dan cadangan pihak-pihak berkuasa agar kesan cuaca panas ini tidak menjejaskan kesihatan dan lebih buruk lagi sehingga mengancam nyawa.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 19 MAC 2016 (SABTU)

INFO



Tindakan mengikut tahap amaran

Tahap amaran pertama (suhu melebihi 37 darjah Celsius selama 72 jam)

- ⊙ **Amaran gelombang** haba akan dikeluarkan oleh **Jabatan Meteorologi** melalui kenyataan media.
- ⊙ **Menangguhkan** aktiviti pelajar sekolah/tadika/taska di luar bangunan
- ⊙ Menangguhkan aktiviti sukan dan latihan atlet di luar bangunan pada siang hari atau **dilakukan di kawasan tertutup** dan berhawa dingin atau waktu malam.
- ⊙ Menasihatkan orang ramai supaya **mengehadkan aktiviti luar** terutama bagi warga emas dan kanak-kanak.
- ⊙ Menasihatkan orang ramai supaya **berada dalam rumah, kerap**

minum air dan mendapatkan nasihat pakar jika mengalami masalah strok haba.

- ⊙ **Memantau trend lawatan pesakit** ke klinik dan hospital serta kes kematian disebabkan gelombang haba.
- ⊙ Mengeluarkan **garis panduan keselamatan** kepada pekerja terutama pekerja binaan di luar bangunan.

Tahap amaran kedua (suhu melebihi 37 darjah Celsius selama lebih 72 jam dan peningkatan suhu berterusan)

- ⊙ Meneruskan tindakan tahap amaran pertama
- ⊙ **Menangguhkan sesi persekolahan** dan sekolah/tadika/taska di kawasan terabit perlu ditutup.
- ⊙ **Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Khas** bagi membincangkan tindakan kecemasan bagi menangani cuaca panas melampau berpanjangan dan impak kepada pelbagai sektor.

Tahap kecemasan/bencana (suhu melebihi 40 darjah Celsius selama atau lebih tujuh hari dalam tempoh cuaca panas dan kering yang berpanjangan)

- ⊙ Mengisytiharkan '**Kecemasan Gelombang Haba**'.



Naib Canselor Boleh Tutup Universiti Jika Cuaca Panas Melampau - Idris

KUCHING, 19 Mac (Bernama) -- Naib Canselor diberikan autonomi untuk menutup universiti jika keadaan cuaca panas bertambah buruk akibat fenomena El-Nino ketika ini, kata Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh.

Beliau berkata melalui konsep autonomi kepada universiti, banyak keputusan boleh dibuat oleh Naib Canselor tanpa perlu dirujuk kepada kementerian.

"Naib Canselor boleh membuat keputusan sendiri (tutup universiti) ... ini berbeza dengan kementerian-kementerian lain di mana kebanyakan arahan datang daripada kementerian," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi: Soaring Upwards di sini Sabtu.

Idris berkata berharap semua program di luar bangunan dianjurkan universiti perlu mengambil kira keadaan cuaca panas bagi memastikan pelajar tidak menghadapi strok haba atau keletihan haba.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan cuaca panas dan kering ini akan berakhir pada Mei atau Jun, dengan suhu dijangka paling panas esok kerana fenomena ekuinok.

-- BERNAMA



Sumber Air Di Perak Masih Terkawal - Zambry

IPOH, 19 Mac (Bernama) -- Sumber air di Perak masih lagi mencukupi dan tidak berada pada tahap yang membimbangkan, tegas Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Menurutnya, sehingga kini kerajaan negeri belum menerima sebarang laporan menunjukkan sumber air di Perak berada dalam lingkungan merah atau pada tahap amaran berikutan fenomena El Nino.

Menurut Zambry, paras air di empangan-empangan utama di negeri ini masih berada di tahap yang memuaskan.

"Paras air di semua empangan masih baik. Tiada laporan ia berada pada zon bahaya.

"Kita bekerjasama dengan [Jabatan Meteorologi](#) dan juga jabatan lain kerana apabila berlaku cuaca panas dan gelombang haba seperti ini, kita perlu memberi perhatian khususnya dari segi bekalan air," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Projek Perumahan 'Ipoh Premier City' (IPC) di sini, Sabtu.

Zambry berkata setakat ini, kerajaan negeri menerima laporan terdapat dua kawasan di Perak yang perlu diberi perhatian iaitu Ipoh dan Lubuk Merbau.

"Lubuk Merbau dikatakan tahap suhunya mencecah 36 darjah celsius sehingga semalam. Hari ini kita akan terus memantau.

"Langkah-langkah perlu akan diambil bagi memastikan masyarakat, khususnya yang tinggal di kawasan Ipoh dan Lubuk Merbau, menjaga kesihatan mereka dalam keadaan cuaca panas ini," katanya.

-- BERNAMA



APBN Bermesyuarat Selasa Ini Bincang Persediaan Hadapi El-Nino

ARAU, 19 Mac (Bernama) -- Agensi Pengurusan Bencana Negara (ABPN) akan bermesyuarat Selasa ini bagi membincangkan persediaan bagi menghadapi cuaca panas terik akibat fenomena El Nino yang dijangka berterusan hingga Jun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata pelan tindakan khusus akan dibentangkan pada mesyuarat itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Cawangan-Cawangan UMNO Bahagian Arau di Pusat Khidmat Kubang Gajah di sini, Jumaat malam.

[Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan cuaca panas dan kering yang dialami negara akibat fenomena El-Nino ketika ini akan berakhir pada Mei atau Jun.

Dalam pada itu, Shahidan menggesa orang ramai terutamanya warga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif kepada cuaca panas agar mematuhi nasihat Kementerian Kesihatan seperti mengelakkan aktiviti di luar bangunan yang boleh menyumbang kepada strok haba.

"Jika ada aktiviti luar ini telah dirancang sebelum fenomena El Nino, maka aktiviti berkenaan perlu ditangguh atau dibatalkan sehingga keadaan cuaca beransur baik," katanya.

-- BERNAMA



Batalan Aktiviti Luar Jika Suhu Melebihi 36 Darjah Celsius - ISN

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Atlet negara yang melakukan aktiviti di kawasan luar kecuali sukan akuatik, dinasihatkan membatalkannya jika suhu melebihi 36 darjah celsius bagi meminimumkan risiko strok haba.

Institut Sukan Negara (ISN) dalam kenyataan hari ini menyarankan atlet terbabit supaya melakukan aktiviti sukan di tempat redup atau dalam dewan.

Atlet negara juga disarankan merendahkan intensiti aktiviti sukan selain mengehadkan tempoh bersukan kurang daripada satu jam bagi setiap sesi sekiranya suhu berada antara 31 dan 35 darjah celsius.

"ISN juga turut mengesyorkan kepada persatuan sukan kebangsaan atau penganjur kejohanan, jika boleh untuk menunda sebarang aktiviti fizikal luar bagi memastikan tahap kesihatan atlet dan penonton terjamin andai fenomena El Nino berterusan," tambah kenyataan itu.

Kenyataan berkenaan turut memaklumkan ISN akan memantau selain memberi kenyataan nasihat dari semasa ke semasa mengenai situasi dan fenomena yang sedang melanda negara ketika ini.

Jabatan Meteorologi sebelum ini mengeluarkan kenyataan bahawa negara akan berhadapan dengan cuaca panas dan kering sehingga suku pertama tahun ini yang akan dirasakan di seluruh negara.

Fenomena El Nino adalah disebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 dan 60 peratus serta penambahan suhu sekitar 0.5 hingga dua darjah celsius berbanding suhu biasa.

-- BERNAMA



Ketua Jabatan Disaran Rangka Aktiviti Luar, Elak Terdedah Cuaca Panas - KSN

BESUT, 18 Mac (Bernama) -- Ketua-ketua jabatan disaran supaya merangka aktiviti harian jabatan masing-masing dengan mengurangkan penglibatan kakitangan daripada terlalu terdedah kepada cuaca panas ekoran fenomena Ekuinoks yang dijangka berlaku pada 22 dan 23 Mac ini.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa berkata setakat ini pihaknya tidak mengeluarkan sebarang pekeliling untuk larangan tersebut tetapi ia memadai dikeluarkan oleh kementerian tertentu termasuk Kementerian Kesihatan dan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) dari semasa ke semasa.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai kematian seorang pelatih polis akibat strok haba semalam selepas merasmikan Program Kesukarelawan IM4U Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) di Kampung Mangkok, Setiu di sini petang ini.

Ali berharap ketua jabatan mengambil iktibar di atas kemalangan itu dengan mempertingkatkan langkah-langkah tertentu dalam menghadapi cuaca panas yang melanda negara sekarang.

Mengenai pengambilan pegawai-pegawai kontrak termasuk daripada Skim Kontrak Untuk Perkhidmatan (CFS) Ali berkata kini terdapat kira-kira 50,000 pegawai dalam skim tersebut daripada pelbagai kementerian dan jabatan.

Ali berkata, buat masa ini perkhidmatan mereka masih diteruskan dan akan dipertimbangkan untuk melanjutkan perkhidmatan apabila tempoh perkhidmatan tamat.

"Kerajaan amat prihatin terhadap kakitangan golongan ini...JPA telah membuat satu perkiraan, apabila mereka sudah berkhidmat lebih daripada 15 tahun, secara automatik mereka akan diserapkan ke jawatan tetap," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapan perasmianya, Ali yang juga Penasihat PUSPANITA Kebangsaan berkata elemen perpaduan dan semangat kesukarelawan perlu dipupuk agar keseimbangan sesebuah masyarakat yang harmoni dan muhibah dapat dicapai dengan adanya penyertaan daripada golongan belia.

Katanya, sesebuah komuniti tidak dapat membangun atau menjadi progresif sekiranya golongan belia di dalam komuniti itu lemah jati diri dan ilmu pengetahuan.

Beliau memuji usaha yang dilakukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan membabitkan belia dalam program Kampungku Masa Depan di kampung Durian Telur, Hulu Besut yang berjaya membangunkan kampung itu melalui tenaga para belianya.

Ali berkata usaha menggalakkan golongan belia untuk terus tinggal di kampung dengan membangunkan aktiviti pertanian patut dicontohi dan diperbanyakkan dengan membabitkan lebih ramai golongan belia di tempat-tempat lain.

Turut hadir dalam program itu, Pengerusi PUSPANITA Kebangsaan Datuk Rohani Abdullah yang juga isteri kepada KSN dan Setiausaha Kerajaan Terengganu, Datuk Osman Muda dan lebih 500 perwakilan PUSPANITA dari seluruh negara.



Sekolah Tutup Jika Suhu Lebih 37 Darjah Celcius Lebih 72 Jam - Wan Junaidi

PUTRAJAYA, 18 Mac (Bernama) -- Jawatankuasa khas mengenai cuaca panas hari ini mengeluarkan garis panduan tetap mengenai pelan tindakan menangani gelombang haba merangkumi tiga peringkat amaran yang berkuat kuasa serta-merta.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata ia melibatkan semua pihak berkaitan termasuk tindakan oleh Kementerian Pendidikan untuk menutup sekolah di sesuatu kawasan jika suhu melebihi 37 darjah celcius selama lebih 72 jam, iaitu dalam amaran peringkat kedua.

Beliau yang juga pengerusi jawatankuasa khas itu berkata 'Kecemasan Gelombang Haba' pula akan diisytiharkan di sesuatu kawasan jika suhu meningkat melebihi 40 darjah celcius selama atau lebih tujuh hari.

"Bagaimanapun, pelan tindakan bagi menghadapi situasi buruk seperti itu akan diperhalusi oleh jawatankuasa teknikal melibatkan semua kementerian dan agensi terlibat pada Isnin depan," katanya pada sidang media, di sini hari ini.

Beliau berkata pada amaran peringkat pertama, [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#) akan mengeluarkan amaran gelombang haba jika suhu sesuatu kawasan melebihi 37 darjah celcius selama 72 jam.

"Kementerian Pendidikan seterusnya boleh mengeluarkan arahan untuk menghentikan aktiviti pelajar di luar kelas seperti aktiviti kokurikulum, perhimpunan, perkhemahan dan sebagainya," katanya.

Wan Junaidi berkata pada peringkat itu, nasihat akan turut dikeluarkan kepada orang ramai untuk mengehadkan aktiviti luar terutama bagi warga emas dan kanak-kanak, menghentikan segala aktiviti sukan di tempat terbuka, nasihat keselamatan pekerja dan nasihat berkaitan masalah strok haba.

Beliau berkata amaran peringkat kedua pula dikeluarkan jika suhu melebihi 37 darjah celcius selama lebih 72 jam dan peningkatan suhu berterusan yang merangkumi arahan penutupan sekolah.

"Pada peringkat ini, jawatankuasa khas akan bermesyuarat untuk bincang tindakan kecemasan) bagi menangani cuaca panas melampau yang berpanjangan dan impak kepada pelbagai sektor," katanya.

Wan Junaidi berkata ramalan [Jabatan Meteorologi](#) cuaca panas dan kering yang dialami akibat fenomena El-Nino ketika ini dijangka berakhir pada Mei atau Jun.



Kedinginan Cameron Highlands 'Hilang' Akibat El Nino

CAMERON HIGHLANDS, 18 Mac (Bernama) -- Bila sebut tentang percutian ke Cameron Highlands pastinya masing-masing membayangkan suhunya yang dingin.

Lebih daripada itu, pengunjung tempatan terutamanya teruja untuk datang ke tanah tinggi ini untuk merasai pengalaman 'wap-wap' iaitu asap keluar dari mulut apabila bercakap.

Bagaimanapun, pengunjung yang datang bercuti ke pusat peranginan ini mendapati semua itu seolah 'lenyap' disebabkan cuaca panas dan kering akibat fenomena El Nino yang melanda sekarang.

Rosdan Razali, 45, dari Ipoh, Perak yang datang bercuti ke sini bersama-sama keluarga berkata keadaan panas ketika ini menyebabkan kedinginan "hilang".

"Tahun ini panas lain macam. Sebelum ini bila kita bercakap, mulut pun keluar asap sebab terlalu sejuk.

"Saya, isteri serta anak-anak bawa baju sejuk, stokin serta sarung tangan apabila bercuti ke sini, tahun ini memang tak perlu pakai semua itu," katanya kepada Bernama di sini baru-baru ini.

Seorang lagi pengunjung, Salasiah Ismail, 41, dari Kulim, Kedah berkata Cameron Highlands yang sinonim dengan suhu dingin juga tidak terlepas daripada bahang fenomena El Nino.

"Saya pernah datang ke sini beberapa tahun lepas, namun ketika itu cuaca sangat sejuk sehingga bila tidur di hotel tak perlu pasang kipas berbanding sekarang.

"Saya rasa tak seronok pula kali ini bercuti di sini sebab cuaca tak sejuk sangat," katanya

Salasiah yang bercuti bersama-sama suami serta tiga orang anak juga terkejut dengan kenaikan mendadak harga sayur-sayuran serta buahan-buahan di sini yang didakwa peniaga sebagai kesan daripada cuaca panas dan kering.

Menurut laman web [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), suhu maksimum yang direkodkan di pusat peranginan ini sejak 1 Mac lepas adalah antara 24 hingga 25 darjah Celsius.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 19 MAC 2016 (SABTU)

SIRIM tidak keluarkan kad jimat tenaga

KUALA LUMPUR 18 Mac - Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (**SIRIM**) Berhad dan anak-anak syarikatnya tidak pernah menyokong atau mengeluarkan persijilan untuk kad jimat tenaga seperti yang dilaporkan akhbar tempatan mahupun menjadi viral di media sosial sejak kebelakangan ini.

SIRIM dalam kenyataannya meminta orang awam tidak terkeliru dengan kaedah pemasaran tidak beretika dijalankan oleh mana-mana syarikat berkaitan mengenai persijilan yang didakwa boleh menjimatkan bil elektrik sehingga 35 peratus itu.

"SIRIM ingin menjelaskan bahawa penggunaan logo SIRIM untuk tujuan promosi pada mana-mana produk adalah salah dan bertentangan dengan syarat dan peraturan yang telah ditetapkan, kecuali dengan kebenaran bertulis," kata kenyataan itu di sini hari ini.

Baru-baru ini, terdapat sebuah iklan bertajuk 'Jimatkan bil elektrik sehingga 35 peratus dengan sokongan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia dan SIRIM' menjadi viral di media sosial sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan orang awam.



Sambutan Earth Hour Di Plaza Sungei Wang Meriah

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Suasana malap selama sejam di sekitar pusat beli-belah Plaza Sungei Wang di sini sempena program 'Earth Hour 2016', diserikan dengan pelbagai aktiviti dan persembahan menarik buat para pengunjung.

Sebaik sahaja lampu di beberapa kawasan ini ditutup tepat 8.30 malam, beberapa pekerja pusat beli-belah itu menyalakan lebih 100 lilin di hadapan pintu masuk utama sebagai simbolik solidariti menyokong usaha melindungi bumi daripada pemanasan global.

Sementara kawasan itu bergelap, para pengunjung dihiburkan dengan persembahan memukau band tempatan IamNEETA, beatboxing serta tarian lampu LED dan aktiviti Hand Wax dan lukisan muka.

Pengurus Plaza Sungei Wang Yuen May Chee berkata Earth Hour merupakan acara tahunan pusat beli-belah itu sebagai tanda prihatin terhadap situasi semasa alam sekitar.

Sementara itu, program Earth Hour juga diadakan di [Planetarium Negara](#) di sini dengan menampilkan tayangan perdana filem "To Space and Back" selain peserta menyalakan tanglung ketika aktiviti 'Night Walk'.

-- BERNAMA